

SEMARAK SEMANGAT SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN MALAYSIA KE-68 SEPANJANG 1,130 KM LEBUHRAYA PLUS

Petaling Jaya, 28 Ogos 2025:- Sempena cuti hujung minggu dan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-68 yang akan datang, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan peningkatan trafik sehingga 2.2 juta kenderaan sehari di rangkaian Lebuhraya PLUS pada 29 Ogos dan 1 September 2025. Sehubungan itu, pengguna lebuh raya dinasihatkan supaya merancang perjalanan lebih awal pada musim cuti kali ini untuk menikmati perjalanan yang lancar dan selesa.

Istimewanya kali ini, PLUS memperkenalkan penambahbaikan terbaru MyPLUS-TTA di dalam aplikasi PLUS untuk memudahkan pengguna merancang perjalanan untuk hari-hari puncak di luar musim perayaan dengan lebih lancar di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2). MyPLUS-TTA kini bukan sahaja boleh diakses pada musim perayaan, tetapi turut tersedia pada hari-hari puncak terpilih sempena cuti sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos kali ini.

Berbeza dengan versi perayaan, antara ciri-ciri terbaharu MyPLUS-TTA ialah simpanan laluan kegemaran di bawah fungsi ‘Laluan Kegemaran’ (Favourite Routes) untuk akses lebih pantas dan perancangan perjalanan yang lebih lancar. Ia juga menampilkan paparan ‘Amaran Masa Nyata’ (Real-time Alert) terus pada halaman hasil carian, sekali gus memberikan maklumat segera mengenai keadaan trafik. Selain itu, fungsi carian turut dipertingkat dengan pilihan ‘menu ke bawah’ (drop-down menu) mengantikan kaedah menatal (scrolling) sebelum ini bagi memudahkan pemilihan laluan dengan lebih cepat dan mesra pengguna.

Tidak seperti musim perayaan di mana tarikh perjalanan telah ditetapkan lebih awal, PLUS akan terus memantau aliran trafik harian dan mengemas kini nasihat tempoh puncak secara berterusan, bagi memastikan pengguna menerima panduan perjalanan yang paling relevan secara masa nyata. Orang ramai digalakkan memuat turun atau mengemas kini aplikasi PLUS di <https://bit.ly/3pO2PYs> bagi merancang perjalanan dengan lebih mudah.

Selain itu, PLUS turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan orang ramai sempena sambutan Bulan Kebangsaan Malaysia tahun ini di sepanjang 1,130 kilometer di Lebuhraya PLUS.

Pemasangan Jalur Gemilang di premis PLUS

Pada 9 Ogos lalu, sebuah Jalur Gemilang gergasi berukuran 40 kaki tinggi dan 80 kaki lebar telah dipasang di bangunan Persada PLUS, Subang. Jalur Gemilang yang menjadi simbol kebanggaan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dapat jelas dilihat oleh para pengguna Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE). Pemasangan bendera gergasi ini mencerminkan sokongan padu PLUS terhadap aspirasi negara di samping memperkuuhkan semangat perpaduan dan kecintaan terhadap tanah air.



KENYATAAN MEDIA

Selain itu, para pengguna Lebuhraya PLUS kini dapat merasakan kehangatan sambutan Bulan Kebangsaan di lebih 21 Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan hentian sebelah sepanjang Lebuhraya PLUS yang dihias kreatif mengikut tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, "Malaysia Madani: Rakyat Disantuni". Orang ramai boleh mengambil peluang ini untuk bergambar dengan hiasan-hiasan yang kreatif ini ketika singgah di R&R dan hentian sebelah terpilih sehingga 16 September 2025.

Pengguna lebuh raya juga berpeluang untuk melihat paparan mesej sambutan Hari Kebangsaan ke-68 dalam bentuk digital di Lebuhraya PLUS sehingga 16 September 2025 ini menerusi 4 unit paparan mesej digital LED Unilink Damansara, Setia Warisan Subang dan Restoran Jejantas USJ serta 70 unit Paparan Mesej Elektronik (VMS) PLUS.

Selari dengan tema sambutan Hari Kebangsaan, PLUS turut mengadakan pertandingan Hiasan Merdeka di R&R, plaza tol dan pejabat seksyen menggunakan konsep 3R; "Reuse, Recycle & Repurpose". Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan daya pemikiran yang kreatif serta menyemai semangat kerjasama di kalangan warga PLUS.

Peraduan #TerokaMalaysiaBersamaPLUS tawar hadiah keseluruhan lebih RM15,000

Pengguna Lebuhraya PLUS juga berpeluang untuk menyertai peraduan #TerokaMalaysiaBersamaPLUS dengan kerjasama rakan strategik, Tourism Malaysia menerusi platform TikTok. Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi PLUS dan menggunakan fungsi PLUS Passport. Peraduan ini berlangsung sehingga 16 September 2025.

Dalam peraduan ini, peserta perlu mengumpulkan jarak perjalanan minimum sebanyak 100 kilometer (KM) di mana-mana lebuh raya kendalian PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dalam tempoh peraduan. Orang ramai berpeluang memenangi hadiah-hadiah istimewa dengan nilai keseluruhan sehingga RM15,000 seperti Canon G7x Mark II, DJI Osmo Pocket 3, Insta360 Go 3S dan 10 hadiah saguhati berupa kredit eWallet Touch 'n Go bernilai RM200 setiap satu.

Untuk menyertai peraduan ini, peserta perlu menghasilkan video kreatif berdurasi 1 minit yang mempromosikan lokasi tarikan pelancong, gerai makanan, warisan tempatan atau bangunan bersejarah sepanjang rangkaian Lebuhraya PLUS berserta kapsyen yang menggambarkan erti sebenar Merdeka dalam Bahasa Malaysia serta mempunyai tag @PLUS_Malaysia dan @malaysia.truly.asia berserta tanda pagar (hashtag) #TerokaMalaysiaBersamaPLUS #Hari Kebangsaan #CutiCutiMalaysia. Sila rujuk kepada terma dan syarat di laman web PLUS www.plus.com.my untuk maklumat lanjut.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---